

DINAMIK PENGURUSAN SISTEM KEWANGAN ISLAM

MENURUT PERSPEKTIF PUAK JATI DI BRUNEI

DARUSSALAM: KAJIAN AWAL

Azme Matali

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Negara Brunei Darussalam

azme.hjmatali@unissa.edu.bn

Abstrak: Pengurusan sistem kewangan Islam yang bijak, cekap dan amanah akan memberi satu impak yang sangat kuat bagi memenuhi keperluan masyarakat agar lebih mampan seiring dengan peredaran zaman Revolusi Industri 4.0 masa kini. Masyarakat berbilang agama semakin cerdas memilih institusi kewangan dalam menjalankan aktiviti kewangan seharian mereka. Justeru, pengurusan sistem kewangan Islam memerlukan satu dinamik yang jitu agar segala pengurusannya dapat diterimapakai oleh semua lapisan masyarakat, bangsa dan agama. Kajian ini lebih memfokuskan dan mengupas satu perspektif dari sudut pandang kalangan puak jati Dusun yang mana mereka merupakan puak jati yang paling ramai memeluk agama Islam di negara ini. Menyedari hakikat tersebut, maka kajian ini dilaksanakan bagi merealisasikan pelaksanaan sistem kewangan Islam di negara ini menuju era Revolusi Industri 4.0 dan sebagai satu wacana pengukuhan negara zikir yang berpandukan kepada nilai-nilai Syariah. Objektif utama kajian ini ialah mengenalpasti tahap penerimaan mereka terhadap pelaksanaan produk dan perkhidmatan di institusi kewangan Islam. Selain itu, kajian ini ingin merungkai faktor penyertaan mereka adakah berpunca dari penolakan terhadap penindasan unsur riba seperti yang diamalkan di institusi kewangan konvensional ataupun satu keperluan. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dan analisis data melalui pengedaran borang kaji selidik. Kajian ini nanti dapat menghasilkan natijah yang dapat merangsang perkembangan pengurusan kewangan Islam ke arah satu paradigma melangkaui sempadan dengan memberi khidmat pengurusan yang cemerlang disamping membuka mata dan minda institusi kewangan Islam khususnya dan masyarakat Melayu Islam umumnya bahawa puak-puak jati juga memerlukan khidmat dan produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam.

Kata Kunci: Brunei Darussalam - Dinamik - Kewangan Islam - Puak Jati

1. PENDAHULUAN

Menyelusuri peradaban ekonomi Islam, muamalat adalah antara isu-isu kontemporari yang seringkali dihubungkan antara pihak pelanggan dengan institusi kewangan Islam. Justeru kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap penerimaan puak jati Dusun yang muallaf terhadap pelaksanaan produk dan perkhidmatan di institusi kewangan Islam dan faktor-faktor utama yang mendorong seseorang itu bergiat aktif dalam menjalankan transaksi kewangannya.

Islam memberi galakkan kepada umatnya agar dapat memberi bantuan dan pertolongan kepada mereka yang memerlukan dalam pelbagai bantuan. Terdapat beberapa potongan daripada ayat-ayat al-Quran galakkan bagi umat memiliki sifat terpuji. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam menggalakkan umat Islam berdakwa terhadap pihak lawan, yang mafhumnya:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”. *An-Nahl*, 16:125

Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* lagi, yang mafhumnya:

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung”. *Ali-Imran*, 3:104

Bertitik tolak dari ayat-ayat al-Quran tersebut, maka dapatlah disimpulkan bahawa agama Islam menggalakkan umatnya untuk memberi ruang dan kesempatan kepada masyarakat yang memerlukan khususnya untuk menjalankan aktiviti kewangan sehariannya melalui institusi-institusi kewangan Islam dan secara tidak langsung menggalakkan mereka lebih mendalami kehebatan Islam itu sendiri.

2. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dan analisis data melalui pengedaran borang kaji selidik yang memberi tumpuan kepada puak jati Dusun yang muallaf sebagai responden. Kajian ini nanti dapat menghasilkan natijah yang dapat merangsang perkembangan pengurusan kewangan Islam ke arah satu paradigma melangkau sempadan dengan memberi khidmat pengurusan yang cemerlang disamping membuka

mata dan minda institusi kewangan Islam khasnya dan masyarakat melayu Islam amnya bahawa puak-puak jati juga sangat memerlukan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam sebagai satu panduan amalan dalam Islam mengikut landasan syarak yang tepat.

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Institusi Kewangan Islam di Brunei Darussalam

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) merupakan satu-satunya bank Islam di Brunei Darussalam. Manakala Institusi Kewangan bukan Bank yang mengendalikan urusan kewangannya berjalan mengikut landasan Syariah Islamiyyah iaitu Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Penerangan ringkas seperti berikut:

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)

Sejarah Penubuhan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)

Sejarah penubuhan awal Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ini yang pada mulanya dipelopori oleh peniaga-peniaga luar terdiri dari negeri Filipina dengan menggunakan nama “The Island Development Bank Limited” (IDB). Setelah beberapa tahun beroperasi di Negara ini, institusi ini ditukar namanya menjadi “The International Bank of Brunei Berhad” (IBB). Penglibatan anak-anak tempatan dalam mengendalikan perbankan ini juga amat penting dalam penubuhannya ini. Setelah beroperasi dengan jayanya, IBB pula dijadikan sebagai model pertama untuk merealisasikan aspirasi Negara yang mahukan sebuah perbankan yang menjalankan muamalah Islam sehingga penukarannya berlaku pada 13 Januari 1993. Nama baru bagi institusi ini ialah “The Islamic Bank of Brunei Berhad” atau “Bank Islam Brunei Berhad” (BIBB). Kemudiannya diikuti dengan penubuhan Bank Islam kedua, iaitu “Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad” (IDBB) tujuh tahun kemudian iaitu pada bulan November 2000. setelah beberapa tahun BIBB dan IDBB beroperasi sebagai bank Islam di Negara Brunei yang menjalankan produk dan perkhidmatan tersendiri, kini Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) terbit hasil daripada gabungan dua buah bank Islam tersebut dan menjadi satu-satunya bank Islam yang berdiri megah di Negara Brunei Darussalam sehingga sekarang (20 Oktober 2019). Ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan aset bank dan operasinya, dan entiti baru ini akan memberikan pengguna lebih banyak pilihan produk dan perkhidmatan seperti pengurusan dana, perkhidmatan bank pelaburan, dan khidmat nasihat di bidang korporat dan pelaburan.

Penubuhan bank berkenaan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada 31 Januari 2006. Perlaksanaan penubuhannya adalah mengikut proses undang-undang dan mendapat kelulusan daripada Mahkamah Tinggi.

Langkah untuk penggabungan kedua-dua bank berkenaan telah dititahkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Sempena Hari Keputeraan baginda ke-59 tahun pada 15 Julai 2005.

Dalam memperkenalkan cadangan penggabungan IBB dan IDBB, Baginda antara lain bertitah:

“Penggabungan IBB dan IDBB adalah dianggap selaras dengan trend global masa kini di mana beberapa buah bank dapat bergabung untuk mengukuhkan keupayaan dan daya saing, bukan sahaja dalam Negara bahkan juga di peringkat antarabangsa”.

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)

Perbadanan TAIB merupakan sebuah institusi kewangan yang menjalankan aktiviti perniagaannya berdasarkan hukum-hukum agama Islam. Ia ditubuhkan untuk rakyat dan penduduk Brunei Darussalam, terutama untuk umat Islam di negara ini. Penubuhannya telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Pelita Brunei, Oktober 2, 1991).

Sejarah Awal Penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)

Perbadanan TAIB pada asalnya dihasratkan bagi penubuhan Lembaga Tabung Haji Negara Brunei Darussalam (Buku Ristaan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)).Ianya adalah satu institusi kewangan yang bertujuan untuk menyimpan dan mengumpul wang orang-orang Islam bagi menunaikan ibadah haji, di samping itu ia juga bertujuan mengembangkan kewangan orang-orang Islam dan pulangnya dikembalikan kepada penyimpan-penyimpannya.

Terbitnya rancangan bagi penubuhan Lembaga Tabung Haji ini adalah dari hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri yangmana Baginda telah mengurniakan titah di dalam Majlis Persantapan Negara di Istana Nurul Iman bersempena keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung Malaysia pada 29 Oktober 1990 yang antara lainnya Baginda bertitah :

“.....Paduka Adinda adalah turut mengikuti dengan perasaan yang gembira, akan perkembangan yang telah dicapai oleh Negara Paduka Kekanda yang telah berjaya, umpamanya mengadakan Lembaga Tabung Haji dan Bank Islam. Paduka Adinda yakin kedua-dua institusi kewangan ini telah pun dapat memecahkan banyak masalah orang-orang Islam mahupun Negara. Penubuhan dan pengendaliannya, tentu saja dipelopori oleh tenaga mahir di bidang berkenaan.

Jadi sebagai tanda dan amalan kerjasama kita, Paduka Adinda berharap sekiranya kerajaan Paduka Adinda berhajat bantuan daripada tenaga-tenaga yang seumpama itu, maka sudi apalah jua Kerajaan Paduka Kekanda akan dapat menghulurkan bantuan tersebut.”

Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, maka Majlis Ugama Islam Brunei telah mengambil keputusan untuk membentuk sebuah jawatankuasa kerja yang dinamakan Jawatankuasa Penubuhan Lembaga Tabung Haji Negara Brunei Darussalam bagi mengkaji penubuhannya di dalam Mesyuarat Majlis Ugama Islam kali keenam tahun 1990M/1411H yang telah berlangsung pada hari Sabtu 17 November 1990M bersamaan dengan 29 Rabiulakhir 1411H, di Bilik Persidangan Pusat Da'wah Islamiyyah. Keputusan ini telah pun dipersembahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Baginda telah memperkenankannya.

Perbadanan TAIB telah dirasmikan penubuhannya pada hari Ahad 21 Rabiulawal 1412H bersamaan 29 September 1991M oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di bangunan pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dalam perasmian tersebut Baginda bertitah :

“Beta juga pada hari ini amat sukacita lagi penuh bersyukur kerana dapat bersama-sama menyambut kelahiran Tabung Amanah Islam Brunei ringkasnya TAIB, yang akan beroperasi menurut lunas-lunas dan hukum syarak sebagai salah satu langkah pemodenan Negara, bukan sebaliknya”.

Puak Jati Brunei

Pada tahun 2017, dianggarkan penduduk Brunei Darussalam berjumlah seramai 421,300 orang yang terdiri dari 216,400 orang lelaki dan 204,900 orang perempuan (Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2017, 2018). Mengikut Akta Kebangsaan Brunei 1961, Melayu Brunei yang rasmi terdiri dari 7 puak iaitu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya dan Murut. Majoriti penduduk yang tinggal di Brunei Darussalam adalah bangsa Melayu dengan jumlah seramai 277,300 orang (Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2017, 2018). Brunei Darussalam mempunyai empat daerah iaitu Daerah Temburong di bahagian Timur dan Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong serta Daerah Belait di bahagian Barat. Penduduk yang tinggal di Brunei Darussalam terdiri dari berbilang bangsa dan agama namun Islam diangkat sebagai agama rasmi negara. Justeru, segala ajaran-ajaran Islam begitu mudah dilakukan dan dipraktikkan di Brunei sehingga boleh menggambarkan keindahan yang terkandung dalam Islam kepada non-Muslim yang tinggal di Brunei Darussalam.

Jika dilihat pada jadual 1 di bawah, dari sudut penerimaan dakwah Islam dalam kalangan puak jati Dusun di Brunei Darussalam dari tahun 2013 hingga Ogos 2019 (Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2017, 2018 dan Pusat Dakwah Islamiyyah, 10 Okt 2019), dilihat begitu amat baik walaupun terdapat jumlahnya naik dan turun dari tahun ke tahun akan tetapi kemasukkan puak jati ini membuktikan bahawa agama Islam dapat memberi hidayah kepada mereka sebagai pegangan agama baru.

Jadual 1: Jumlah Puak Jati Yang Memeluk Agama Islam Dari Tahun 2013 Hingga Ogos 2019

Tahun / Bangsa	2013	2014	2015	2016	2017	2018	Ogos 2019
Dusun	149	164	141	122	108	110	68
Murut	10	7	12	12	4	13	2
Iban	130	139	134	115	109	99	67
Cina	80	78	66	75	60	70	36
Lain-Lain	168	197	161	148	128	112	53

Sumber: Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 2017

Oleh yang demikian, perkara ini mendorong pengkaji untuk membuat satu kajian awal berkaitan dengan masyarakat Dusun dari sudut persepsi mereka terhadap Islam dan khususnya pandangan mereka terhadap sistem kewangan Islam. Hasil peningkatan jumlah memeluk agama Islam ini secara langsung menjadikan syiar agama Islam di Brunei Darussalam kian berkembang dengan kehadiran lebih ramai saudara baharu yang memilih agama Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Latar Belakang Puak Jati Dusun Di Brunei

Puak Dusun ialah salah satu puak yang sering disebut oleh ahli antropologi dan linguistik di Pulau Borneo. Antara rekod terawal yang menyebut tentang kewujudan puak Dusun termasuklah Hose dan McDougall (1912), Williams (1965) dan Appell (1968). Menurut mereka puak Dusun merupakan pendatang yang berasal dari China. Teori mereka berdasarkan bentuk muka puak Dusun mirip dengan muka orang Cina, iaitu berkulit cerah, mempunyai ketinggian yang sederhana serta bermata sepet. Bangsa Cina tersebut dikatakan telah berhijrah dari tanah besar China dan sampai ke Utara Borneo. Penghijrahan mereka ke Borneo adalah kerana hasil bumi yang kaya dengan emas, batu kerikil, sarang burung dan lain-lain. Selain itu, mereka juga terkenal sebagai petani yang menjalankan aktiviti bersawah padi dan bercucuk tanam buah-buahan. Oleh sebab itu, mereka telah dilabel sebagai orang Dusun oleh masyarakat sekeliling. Walaupun terdapat persamaan antara masyarakat Dusun di Borneo namun, menurut Yabit (1994) dan Pudarno (2017) puak Dusun di Sabah berlainan daripada puak Dusun di Brunei. Puak Dusun di Brunei digelar Sang Jati Dusun. Sang dalam bahasa Dusun bermaksud bangsa atau

puak dan jati pula bermaksud “kita”. Menurut Yabit (1994), sebenarnya masyarakat Dusun di Brunei menggelar diri mereka sebagai Sang Jati dan bukannya puak Dusun. Gelaran puak Dusun itu diberikan oleh orang Melayu kerana kehidupan puak Dusun yang bersawah padi dan bercucuk tanam buah-buahan. Namun begitu, beliau menegaskan bahawa puak sang jati tidak mempunyai masalah menggunakan nama Dusun, malah berbangga menggunakannya. Namun begitu, menurut Asiyah (2011) puak Dusun lebih dominan di Daerah Tutong, iaitu di Kampung Ukong dan Rambai. Pudarno (2017) pula membahagikan puak Dusun kepada tiga bahagian. Pertama, puak Dusun Lembah, iaitu mereka yang tinggal di kawasan lembah sungai dan pedalaman Daerah Tutong, contohnya di Kampung Bukit Udal, Kiudang dan Ukong; Yang kedua, puak Dusun Bukit, iaitu puak Dusun yang tinggal di kawasan bukit contohnya di Kampung bukit di daerah Tutong dan Sungai Mau di daerah Belait; dan yang terakhir sekali ialah puak Dusun Pantai yang tinggal di kawasan Pantai, contohnya di Kampung Telisai di Daerah Tutong dan Kampung Sungai Liang di Daerah Belait. Memandangkan jumlah sebenar puak Dusun di Brunei tidak diketahui maka terdapat beberapa pernyataan yang membincangkan hal tersebut antaranya termasuklah Hajah Tuming (2005), yang menyatakan bahawa jumlah penduduk puak Dusun adalah lebih kurang 20,000 orang. Anggaran ini bercanggah dengan pendapat Aini (2013) yang menyatakan jumlah puak Dusun sekitar 6000 hingga 8000 orang sahaja. Yang mutakhir, pernyataan Pudarno (2017) yang menganggarkan puak Dusun hanya sekitar 5000 orang sahaja. Jumlah ini sangat sedikit jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Brunei, lebih 400,000 orang.

Tahap Penerimaan Terhadap Pelaksanaan Produk Dan Perkhidmatan Di Institusi Kewangan Islam


1. Maklumat Peribadi Responden

Maklumat peribadi responden terdiri daripada jenis jantina, umur, taraf kelamin dan tempat tinggal adalah merupakan soalan-soalan utama dalam bahagian pertama dan sebelum diajukan soalan-soalan dalam bahagian kedua iaitu maklumat institusi kewangan Islam yang merangkumi tahun mula menyertai, institusi kewangan Islam yang disertai, faktor menyertai dan faktor memilih jenis perkhidmatan dan terakhir bahagian ketiga maklumat am yang lebih kepada mengenalpasti tahap kefahaman, pengetahuan dan penerimaan terhadap pengurusan sistem kewangan Islam.

1.1 Jantina

Jadual 2: Jantina

	Kekerapan	Peratus
Lelaki	20	38.0
Perempuan	33	62.0
Jumlah	53	100




Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Berdasarkan edaran borang soal selidik kepada responden, hasilnya dapat diisi dengan lengkap oleh responden yang berjumlah 53 orang keseluruhan, iaitu responden lelaki seramai 20 orang bersamaan dengan 38.0 peratus dan responden perempuan pula seramai 33 orang bersamaan dengan 62.0 peratus.

1.2 Umur

Jadual 3: Umur

	Kekerapan	Peratus
18-24	10	19.0
25-34	6	11.0
35-44	11	21.0
45-64	19	36.0
65 ke atas	7	13.0
Jumlah	53	100




Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Berdasarkan tinjauan umur responden, pengkaji mendapati peringkat umur 45-64 tahun sebanyak 19 orang responden dengan 36.0 peratus adalah merupakan umur responden yang paling banyak mengisi borang kaji selidik ini diikuti dengan lingkungan peringkat umur 35-44 tahun iaitu sebanyak 11 orang responden dengan 21.0 peratus. Kedua-dua peringkat umur tersebut adalah semestinya peringkat umur matang dan bertanggungjawab dan mempunyai komitmen yang banyak dalam memenuhi keperluan hidup.

1.3 Taraf Kelamin

Jadual 4: Taraf Kelamin

	Kekerapan	Peratus
Bujang	13	24.0
Kahwin	37	70.0
Duda	0	0.0
Janda	3	6.0
Jumlah	53	100




Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Taraf kelamin responden meliputi bujang, kahwin, duda dan janda. Seramai 37 responden yang sudah mendirikan rumah tangga iaitu dengan 70.0 peratus yang banyak mengisi borang berkenaan, diikuti dengan responden yang masih bujang iaitu seramai 13 orang. Manakala status janda hanya 3 orang dan tidak ada responden yang mengisi borang bagi status duda.

1.4 Tempat Tinggal

Jadual 5: Tempat Tinggal

	Kekerapan	Peratus
Majoriti Masyarakat Islam	37	70.0
Majoriti Masyarakat Bukan Islam	1	2.0
Masyarakat Islam dan Bukan Islam	15	28.0
Sama Ramai		
Jumlah	53	100



Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019


Kajian bagi memperoleh data statistik terhadap tempat tinggal responden juga amat penting kerana pengaruh persekitaran mendorong responden memilih agama Islam sebagai pegangan hidup disamping produk dan perkhidmatan institusi kewangan Islam sebagai satu tempat bagi menjalankan transaksi kewangan mereka. Hasil kajian mendapati seramai 37 orang dari mereka tinggal dalam persekitaran majoriti masyarakat Islam iaitu 70.0 peratus. Manakala seramai 15 orang responden tinggal dalam kawasan masyarakat Islam dan bukan Islam dan selebihnya seramai 1 orang sahaja yang tinggal dipersekitaran majoriti masyarakat bukan Islam.

2. Maklumat Penyertaan dalam Institusi Kewangan Islam

2.1 Tahun Menyertai Institusi Kewangan Islam

Jadual 6: Tahun Menyertai Institusi Kewangan Islam

	Kekerapan	Peratus
1993 - 1997	15	28.0
1998 - 2002	11	21.0
2003 - 2007	6	11.0
2008 - 2012	10	19.0
2013 - 2019	11	21.0
Jumlah	53	100



Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019


Pemilihan bagi jangka tahun responden dalam menyertai produk dan perkhidmatan bermula tahun 1993 sehingga tahun 2019 kerana diambil asal dari penubuhan BIBD iaitu Bank Islam Brunei Berhad (IBB) mula ditubuhkan pada tahun 1993 (Azme Matali, 2012). Merujuk jadual 6 di atas, seramai 15 responden iaitu sebanyak 28.0 peratus menyertai pada sekitar tahun 1993-1997 diikuti dengan jumlah 11 responden sekitar tahun 1998-2002 dan 2013-2019, diikuti seramai 10 responden sekitar tahun 2008-2012 dan seramai 6 responden sekitar tahun 2003-2007. Jumlah penyertaan mereka dalam institusi kewangan Islam terbanyak pada tahun 1993-1997 membuktikan bahawa puak jati Dusun telah lama berminat dengan sistem kewangan Islam iaitu bermula dari awal penubuhan bank Islam.

2.2 Pilihan Institusi Kewangan Islam

Soalan seterusnya, responden boleh memilih lebih dari satu jawapan yang telah disediakan mengikut kehendak dan peribadi responden sendiri.

Jadual 7: Senarai Nama Institusi Kewangan Islam

	Kekerapan	Peratus
BIBD	40	51.0
Perbadanan TAIB	17	21.0
Takaful Brunei	12	15.0
Insurans Islam TAIB	10	13.0



Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019


Merujuk jadual 7 di atas menunjukkan seramai 40 responden iaitu sebanyak 51.0 peratus telah memilih BIBD sebagai institusi kewangan yang menjalankan transaksi kewangannya. Seterusnya, seramai 17 responden memilih Perbadanan TAIB. Manakala 12 responden memilih Takaful Brunei dan seramai 10 responden memilih Insurans Islam TAIB.

2.3 Faktor-Faktor Menyertai Institusi Kewangan Islam

Sebelum borang soal selidik ini diedarkan kepada responden, pengkaji terlebih dahulu meneliti dan membuat temu-bual dengan beberapa orang pelanggan institusi kewangan Islam untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang bersesuaian dengan soalan ini. Ternyata hasilnya, semua jawapan yang disediakan telah dipilih berdasarkan pengalaman responden dan terdapat juga ruangan kosong yang sengaja pengkaji sediakan bagi memudahkan responden mengisi jika sebab utama yang telah disediakan responden di bawah ini tidak bertepatan dengan kehendak responden, berikut dalam jadual 8 adalah dipaparkan analisis data perolehan dan diikuti perbincangan:

Jadual 8: Faktor-Faktor Menyertai Institusi Kewangan Islam

	Kekerapan	Peratus
Ingin mencuba sistem baru	12	15.0
Dorongan keluarga dan rakan	7	8.0
Kesedaran diri sendiri	21	26.0
Terpaksa/Kehendak Majikan	0	0
Memberi pulangan yang lebih menguntungkan	2	2.0
Pengaruh Iklan	4	5.0
Layanan dan Perkhidmatan memuaskan	18	22.0
Lokasi yang mudah	14	17.0
Lain-lain	4	5.0



Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Berdasarkan kepada jawapan-jawapan tersebut, kesedaran diri sendiri merupakan sebab utama tarikan atau dorongan yang menyebabkan responden menjadi pelanggan di institusi kewangan Islam iaitu seramai 21 responden bersamaan 26.0 peratus dan merupakan jumlah peratus yang terbanyak. Inilah gambaran yang jelas dilihat dalam masyarakat Brunei yang lebih mementingkan pegangan agama pada hari ini. Peratus ini menunjukkan suatu yang amat positif dari pihak institusi kewangan Islam khususnya dan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara zikir. Selain itu, responden juga memilih faktor kerana layanan dan perkhidmatan pihak

institusi memuaskan iaitu seramai 18 responden bersamaan 22.0 peratus, kerana agama Islam itu syumul untuk kepentingan semua manusia. Seterusnya lokasinya yang mudah untuk berurusan iaitu seramai 14 responden iaitu 17.0 peratus dan selebihnya diikuti dengan sebab-sebab yang tertentu yang menarik minat puak jati Dusun terlibat dengan amalan institusi kewangan Islam.

2.4 Jenis Perkhidmatan dan Produk di Institusi Kewangan Islam

Jadual 9: Jenis Perkhidmatan dan Produk di Institusi Kewangan Islam

	Kekerapan	Peratus
Akaun Simpanan	40	56.0
Akaun Pembiayaan	10	14.0
Takaful / Insurans Islam	21	30.0

Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Merujuk jadual 9 di atas, menunjukkan seramai 40 responden iaitu sebanyak 56.0 peratus memiliki akaun simpanan diikuti dengan jumlah 21 responden berurusan dengan Takaful atau Insurans Islam. Manakala akaun pembiayaan hanya seramai 10 responden berurusan dengan produk berkenaan. Ini menunjukkan satu yang positif dalam kalangan kehidupan puak jati Dusun kerana mengutamakan transaksi kewangan sebagai tabungan dan keperluan di masa hadapan berbanding berurusan membuat pembiayaan. Disamping itu juga, berurusan dalam Takaful atau Insurans Islam juga langkah terbaik dalam penjagaan dan persediaan awal jika berlaku musibah.

2.5 Faktor-Faktor Memilih Perkhidmatan di Institusi Kewangan Islam

Jawapan-jawapan yang tersedia juga diperolehi hasil temu-bual dengan beberapa orang pelanggan institusi kewangan Islam bagi mendapatkan jawapan-jawapan yang bersesuaian dengan soalan ini bagi memudahkan responden untuk memilih. Berikut dalam jadual 10 adalah dipaparkan analisis data perolehan dan diikuti perbincangan:

Jadual 10: Faktor-Faktor Memilih Perkhidmatan

	Kekerapan	Peratus
Mahukan Simpanan Bebas Riba	33	35.0
Mahukan Pembiayaan Bebas Riba	18	19.0
Penyertaan Takaful/Insurans Islam Bayaran Rendah	12	12.0

Penerimaan Gaji	18	19.0
Layanan Perkhidmatan yang Memuaskan dari Kakitangan	14	15.0

Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Jadual 10 di atas, seramai 51 responden iaitu 54.0 peratus membuktikan bahawa mereka bijak dan membuktikan pegangan yang kuat dalam beragama Islam kerana pilihan menjalankan transaksi kewangan sama ada bentuk simpanan atau pembiayaan semata-mata mahu bebas dari amalan riba adalah pilihan tepat. Disamping kerana penerimaan gaji iaitu pilihan ketiga iaitu seramai 18 responden. Manakala layanan perkhidmatan yang memuaskan dari kakitangan pilihan responden seramai 14 orang dan terakhir pilihan mereka disebabkan penyertaan Takaful atau insurans Islam dengan bayaran rendah juga menjadi pilihan mereka. Justeru sebagai seorang muallaf, mereka juga mahukan segala transaksi kewangan mereka dalam landasan Syarak yang terhindar dari riba dan tidak dinafikan juga sebagai memenuhi syarat dalam pekerjaan bagi penerimaan gaji di institusi kewangan Islam.


3. Maklumat Am

Maklumat am ini memerlukan setiap responden hanya menjawab satu jawapan pada setiap soalan.

3.1 Maklumat yang telah disebarikan tentang kewangan Islam, adakah mencukupi?

Jadual 11: Maklumat yang telah disebarikan tentang kewangan Islam

	Kekerapan	Peratus
Ya	44	83.0
Tidak	9	17.0
Jumlah	53	100



Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Berikut kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti maklumat yang telah disebarikan oleh pihak-pihak tertentu mengenai institusi kewangan Islam. Hasilnya menunjukkan sejumlah 44 responden iaitu 83.0 peratus yang berpendapat bahawa maklumat yang telah disebarikan mencukupi untuk pengetahuan dan kefahaman masyarakat Brunei. Selebihnya seramai 9 responden iaitu 17.0 peratus menyatakan bahawa maklumat yang disampaikan kepada masyarakat Brunei belum cukup. Jumlah ini menunjukkan bahawa institusi kewangan Islam telah menjalankan amanah yang selayaknya di terima oleh masyarakat Islam di Brunei. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil juga menyatakan maklumat belum lagi mencukupi. Ini bererti, masyarakat Islam khususnya muallaf perlu lagi diberi perhatian sewajarnya dalam menyalurkan maklumat yang lengkap dan pengetahuan yang mendalam tentang sistem kewangan Islam dari sudut kepelbagaian inisiatif yang bermanfaat.

3.2 Pandangan responden terhadap sistem kewangan Islam, adakah mampu menjadi alternatif kepada sistem kewangan Konvensional?

Jadual 12: Pandangan responden terhadap sistem kewangan Islam

	Kekerapan	Peratus
Ya	52	98.0
Tidak	1	2.0
Jumlah	53	100

Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Jadual 12 di atas, menunjukkan seramai 52 responden iaitu 98.0 peratus memberi pandangan bahawa sistem kewangan Islam mampu menandingi sistem kewangan konvensional di Brunei. Manakala hanya 1 responden iaitu 2.0 peratus masih belum dapat menerima bahawa sistem kewangan Islam mampu menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional. Oleh itu, institusi kewangan Islam perlu memantapkan lagi segala perkhidmatan dan produk yang ditawarkan agar ianya dapat memenuhi kepuasan semua pelanggan.

3.3 Tahap Penerimaan Responden Terhadap Sistem Kewangan Islam

Jadual 13: Tahap Penerimaan Responden Terhadap Sistem Kewangan Islam

	Kekerapan	Peratus
Masih Tahap Rendah	1	2.0
Baik	26	49.0
Sangat Baik	25	47.0
Cemerlang	1	2.0
Jumlah	53	100

Sumber: Borang Kaji Selidik pada 1-16 Oktober 2019

Persoalan dalam borang kaji selidik yang terakhir ingin mengetahui tahap penerimaan puak jati Dusun yang muallaf terhadap sistem kewangan Islam. Jadual 13 menunjukkan seramai 26 responden iaitu 49.0 dalam penerimaan baik. Seramai 25 responden iaitu 47.0 peratus menyatakan sangat baik dan 1 responden iaitu 2.0 peratus di tahap cemerlang. Statistik penerimaan mereka terhadap pelaksanaan sistem kewangan Islam adalah ditahap yang sangat baik. Hanya 1 responden masih menganggap bahawa sistem kewangan Islam masih di tahap yang rendah. Jumlah ini menunjukkan satu pencapaian dan perkembangan urus tadbir institusi kewangan Islam yang dapat dibanggakan kerana majority responden dapat menerima pelaksanaan dalam sistem ini.

Selain itu, terdapat juga beberapa pandangan responden yang diperoleh hasil dari borang kaji selidik ini bagi menaiktaraf pengurusan sistem kewangan Islam dan dapat memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggannya, selainnya ada juga responden yang menyokong sepenuhnya, antaranya:

1. Memerlukan kepada penaiktarafan perkhidmatan on-line ke arah yang lebih efisien;
2. Membuka cawangan baru untuk memudahkan orang ramai terutama di tempat-tempat yang jauh dari bandar (pendalaman) dalam pengurusan kewangan dan Takaful;
3. Sentiasa membuat perubahan dan memantapkan lagi perkhidmatan dan produk yang sedia ada;
4. Perkhidmatan dan produk yang ditawarkan sangat bermanfaat untuk generasi akan datang;
5. Sangat baik dan membantu orang ramai; dan
6. Sangat memuaskan dan mudah difahami secara keseluruhannya.

4. PENUTUP

Setelah mendapat maklum balas yang lengkap dari 53 orang responden yang telah mengisi borang soal selidik, bagi tujuan mengenalpasti faktor-faktor menyertai dan tahap penerimaan mereka mengenai sistem kewangan Islam.

Hasil kertas kerja ini menunjukkan bahawa institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam di Brunei Darussalam telah menunjukkan kemajuan yang berterusan dalam hal yang berkaitan dengan pelaksanaan produk dan perkhidmatan serta mempunyai prospek masa depan yang cerah. Berkenaan dengan penerimaan masyarakat muallaf dari puak jati Dusun dalam produk dan perkhidmatan institusi kewangan Islam, kajian ini menunjukkan satu pencapaian yang amat membanggakan bagi Brunei Darussalam sebagai sebuah negara zikir yang mana tahap penerimaan mereka sangat baik terutama dari perspektif keterlibatan mereka dalam institusi kewangan Islam bukan semata-mata ingin membuat pembiayaan, bahkan mereka telah lama menjalankan transaksi kewangan dengan membuat simpanan wang semenjak penubuhan bank Islam iaitu pada tahun 1993 lagi atas kesedaran diri sendiri dan mereka menyokong sepenuhnya dalam penyebaran maklumat kepada masyarakat, mereka juga berpuas hati terhadap layanan perkhidmatan yang diberikan, dan sokongan yang padu bahawa sistem kewangan Islam mampu menjadi satu alternatif kepada sistem kewangan Konvensional. Secara keseluruhannya, mereka menerima pengurusan sistem kewangan Islam di Brunei Darussalam di tahap yang sangat baik. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa perkembangan ajaran agama Islam di negara ini syumul yang dapat menyempurnakan kehendak dan diterimapakai oleh semua lapisan masyarakat, bangsa, agama dan negara. Perkembangannya juga semakin teguh dan mampan seiring peredaran zaman Revolusi Industri 4.0 masa kini di samping beridentitikan negara zikir yang akan kekal dan dipraktikan sehingga ke akhir zaman, In sya Allah.

5. RUJUKAN

- Azme bin Haji Matali. (2012). Konsep dan Amalan Pembiayaan di Institusi-Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Aini binti Karim. (2013). Pembentukan kata kerja cerminan penakatan dan cabaran bahasa minoriti: Kes bahasa Dusun di Brunei Darussalam.
- Appell, G. N. (1968). The Dusun languages of Sabah: The Rungus Dusun related problems. *Oceanic Linguistics*, 7, 131-14. DOI: 10.2307/3622844
- Asiyah az-Zahra Ahmad Kumpoh (2011). Conversion to Islam: The case of the Dusun ethnic group in Brunei Darussalam. Tesis PhD. University of Leicester. Dimuat turun daripada: <https://lra.le.ac.uk/handle/2381/9804>
- Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2017 (2018), Bandar Seri Begawan: Department of Statistics, Department of Economic Planning and Development (DEPD), Ministry of Finance and Economy.
- Buku Ristaan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).
- Hose, C.& McDougall, W. (1912). The pagan tribe of Borneo. London: McMillan & Co.
- Pelita Brunei, Oktober 2, 1991:2 "Sistem Kewangan Islam Mula Beroperasi, TAIB dilancarkan". Dilihat pada: 11/10/2019.
- Pudarno Binchin (2017). Budaya masyarakat Dusun: Imbasan kembali. Brunei: Jabatan Muzium- Muzium.
- Hajah Tuning binti Abdullah (2005). Kepercayaan puak Dusun di Brunei. dalam Kepercayaan masyarakat Cina, Iban dan Dusun di Negara Brunei Darussalam. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah KHEU.
- William, T. R. (1965). The Dusun: A North Borneo society. London: Holt, Rinehart & Winston.
- Yabit Alas. (1994). The reconstruction of pre-Dusun and the classification of its descendants (Tesis MA tidak diterbitkan). University of Hawaii.
- Temubual bersama Dk hjh Ida Fariani binti Pg Hj Kamaluddin, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Dakwah Islamiyyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam. 10 Okt 2019.